



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG**  
**(PORT KLANG AUTHORITY)**  
Beg Berkunci 202,  
Jalan Pelabuhan Utara,  
42005 Pelabuhan Klang  
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211  
Fax: 603-3168 9117  
603-3168 8228  
603-3167 0211

Web:<http://www.pka.gov.my>  
Email:[onestopagency@pka.gov.my](mailto:onestopagency@pka.gov.my)

**MS ISO 9001 : 2015 REG.NO: AR3579**

(JABATAN ZON BEBAS & JABATAN DAGANGAN BERBAHAYA)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: LPK:PB/600-4/1 Jld.3 (13)

Tarikh : 5 Mei 2021

**EDARAN KEPADA:**

- I. SEMUA PENGGUNA PELABUHAN
- II. SEMUA PEMAIN LOGISTIK

Y.Bhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG NO. 9/2021  
PENGOPERASIAN PELABUHAN DI PELABUHAN KLANG SEPANJANG  
TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) YANG  
BERMULA PADA 6 MEI 2021 HINGGA 17 MEI 2021**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada pengumuman YB Menteri Kanan Pertahanan pada 4 Mei 2021 berkenaan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di enam (6) daerah di Negeri Selangor yang akan mula dilaksanakan pada 6 Mei 2021 hingga 17 Mei 2021.

2. Dimaklumkan bahawa pelabuhan dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu (essential services) dan Operator Pelabuhan (Northport & Westports) serta Port Klang Free Zone yang beroperasi di Pelabuhan Klang akan **beroperasi seperti biasa (24 jam pada setiap hari)** dan akan memperuntukkan segala keperluan perkhidmatan bagi pelabuhan dan logistik bagi menampung keperluan negara dalam tempoh kritikal ini.

3. Bagi memastikan operasi pelabuhan yang dikendalikan oleh pihak Northport dan Westports berjalan dengan lancar dan berkesan, **semua kontena dan kargo yang dipunggah dari kapal perlu dikeluarkan dari kawasan pelabuhan pada kadar segera.** Syarikat-syarikat logistik (seperti ejen fret, operator gudang) yang telah berdaftar dengan Kementerian Pengangkutan (MOT) boleh memuat turun surat kebenaran melalui pautan <https://application.mot.gov.my/> manakala bagi syarikat-syarikat logistik (seperti ejen fret, operator gudang) yang belum berdaftar dengan MOT pula boleh memohon surat kebenaran melalui pautan yang sama.

4. Syarikat-syarikat logistik yang menjalankan aktiviti-aktiviti logistik seperti perkhidmatan *freight forwarder* (Ejen Fret) dan agen kastam (Ejen Penghantaran), operasi lori haulier, operasi rel barangan, operasi *shipping line* dan NVOCC, operasi kargo udara, aktiviti penstoran (pergudangan, *off-dock*, *on-dock* dan sebagainya), operasi *inland container depot* dan operasi *ancillary services* juga **dibenarkan** untuk beroperasi bagi menguruskan aktiviti dan pengedaran import / eksport kontena dan kargo.

5. Di samping itu, pihak Kastam dan Agensi-Agensi Kerajaan yang lain akan terus beroperasi seperti biasa bagi membantu para pemain industri untuk mempercepatkan proses pengeluaran kontena / kargo.

6. Sepanjang tempoh ini, Ibu Pejabat LPK, pejabat Operator Pelabuhan (Northport & Westports), pejabat Port Klang Free Zone serta pejabat *Vessel Traffic Management System* (VTMS) tidak akan dibuka kepada orang awam atau lawatan rasmi. Sebagai tambahan, LPK juga telah mewujudkan talian bantuan bagi menjawab pertanyaan berhubung operasi di pelabuhan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (**Lampiran 1**), Prosedur Operasi Standard (**Lampiran 2**) dan Pekeliling Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Kelang Bil. 8/2021 – Tindakan Bagi Mencegah Kemasukan Varian Baharu COVID-19 Dari India Ke Pelabuhan Klang (**Lampiran 3**) untuk dipatuhi oleh semua pengguna pelabuhan dan pemain industri logistik di Pelabuhan Klang.


7. LPK menyeru kepada semua pengguna pelabuhan untuk mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan keselamatan dan kesihatan warga kerja di dalam tempoh sukar ini dan mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan, LPK dan Operator Pelabuhan seperti Prosedur Operasi Standard di Pelabuhan Klang.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(KAPT. K. SUBRAMANIAM)**  
Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Kelang

**TALIAN BANTUAN LEMBAGA PELABUHAN KELANG SEPANJANG TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERHUBUNG COVID-19  
(6 MEI 2021 HINGGA 17 MEI 2021)**

<b>JABATAN</b>	<b>PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB</b>	<b>NOMBOR/E-MEL UNTUK DIHUBUNGI</b>
<b>ZON BEBAS</b>	En. Ahmad Rizal bin Mohd. Yusop Pengurus Kanan	012-2159069 03-31688214 (DL) 03-3168 8211 samb. 1024 ahmadrizal@pka.gov.my
<b>DAGANGAN BERBAHAYA</b>	En. Nubhan bin Basarud Pengurus	012-3063404 03-31670024 (DL) 03-3168 8211 samb. 1023 nubhan@pka.gov.my
<b>GERAKAN MERIN</b>	Kapt. Azmi bin Maaris Pemangku Pengurus	012-6395565 03-31668205 (DL) 03-3168 8211 samb. 3025 azmi@pka.gov.my



## PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DI PELABUHAN KLANG SEMASA PKP

### RANGKAIAN LOGISTIK

- Saringan / imbasan suhu badan perlu dilakukan ke atas semua staf



“ Memastikan penjarakan sosial satu (1) meter di antara satu sama lain.

“ Kawasan beratur perlu ditanda bagi mengekalkan penjarakan sosial (kaunter / mesin angkat (lif) / eskalator)

- Penggunaan pelitup muka oleh semua kakitangan semasa berada di dalam premis.



- Menggunakan cecair pembasmi kuman di semua pintu masuk premis (termasuk lobi utama, kaunter perkhidmatan, kawasan dermaga)
- Mengamalkan kebersihan diri

## RANGKAIAN LOGISTIK

- Mesyuarat / perjumpaan secara fizikal adalah tidak dibenarkan.
- Semua mesyuarat / seminar di buat secara atas talian (Google Duo, Zoom Webinar, Skype)



- Penyediaan tong sampah khas untuk membuang topeng muka dan sarung tangan yang telah digunakan
- Pelupusan / pembuangan berjadual bagi tong sampah khas ini perlu diaturkan

- Pihak terminal perlu menyimpan rekod semua staf, pemain industri dan vendor yang memasuki dan berurusan di premis



- Kawasan rehat terminal / kawasan awam termasuk kawasan rehat stevedor / ruang solat / dan tandas perlu disanitasi secara kerap

## RANGKAIAN LOGISTIK

- Memastikan penjarakan sosial satu (1) meter di antara satu sama lain
- Kawasan beratur perlu ditanda bagi mengekalkan penjarakan sosial (kaunter / mesin angkat (lif) / eskalator)



- Penganjuran sebarang aktiviti / acara adalah tidak dibenarkan di Pusat Sukan dan Rekreasi

- Waktu operasi kaunter dihadkan dan menggalakkan transaksi atas talian bagi mengurangkan sentuhan fizikal





## TERMINAL PELABUHAN

- Kafe dan kedai yang beroperasi perlu ditanda bagi mengekalkan penjarakan sosial di kalangan staf dan pelanggan
- Kafe dan kedai perlu kerap disanitasi



- Kawasan beratur untuk merakam waktu bekerja perlu bagi mengekalkan penjarakan sosial di kalangan staf
- Alat perakam waktu bekerja perlu disanitasi secara kerap

- Kerja-kerja pembinaan / pengubahsuaian / baik pulih yang perlu diutamakan oleh pihak pelabuhan hendaklah dilaksanakan
- Pihak terminal perlu memastikan kontraktor / vendor perlu memastikan normal baharu



## TERMINAL PENUMPANG DAN JETI KARGO

- Kapal yang berlabuh perlu memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang 12 jam sebelum ketibaan
- Keadaan kesihatan dan keselamatan anak kapal perlu dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan Pelabuhan



- Kapal persiaran boleh berlabuh di Boustead Cruise Centre untuk aktiviti *bunkering* / pembekalan bahan makanan dan *sign off* krew kapal warganegara Malaysia

- Ruang menunggu di kawasan ketibaan dan kawasan pelepasan perlu ditandakan bagi mengekalkan jarak sosial di antara penumpang serta pekerja





## AGENSI-AGENSI KERAJAAN LAIN

- Kelulusan dari OGA dijalankan secara atas talian dan ejen perlu mengemukakan dokumen sokongan untuk diluluskan atas talian



- Pemeriksaan yang dijalankan perlu mematuhi normal baharu
- Meminimumkan kakitangan semasa pemeriksaan



## DEPOH KONTENA KOSONG

- Waktu Operasi Depoh adalah seperti berikut:  
Isnin - Sabtu: 8.00am - 4.00am (hari berikutnya)  
Ahad & Cuti Umum: 8.00am - 4.00pm



- Pemandu haulier tidak dibenarkan untuk turun dari *prime mover* ketika berada di dalam kawasan depoh
- Reach stacker / forklift operators* (termasuk kakitangan pejabat) untuk memakai PPE termasuk pelutup muka dan sarung tangan semasa bekerja

- Pengendali depoh digalakkan untuk menggunakan pembayaran secara atas talian (*Depot Gate Charge*)

## GUDANG



- Waktu Operasi Gudang adalah seperti berikut:  
Isnin - Jumaat: 8am - 5pm  
Sabtu: 8am - 1pm  
Ahad & Cuti Umum: Atas permintaan

- Forklift operators menggunakan PPE termasuk pelitup muka semasa bekerja



- Kakitangan Kaunter perlu menggunakan pelitup muka semasa bekerja



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG**  
**(PORT KLANG AUTHORITY)**  
 Beg Berkunci 202,  
 Jalan Pelabuhan Utara,  
 42005 Pelabuhan Klang  
 SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211  
 Fax: 603-3168 9117  
 603-3168 8228  
 603-3168 8229  
 603-3167 0211

Web: <http://www.pka.gov.my>  
 Email: [pka\\_admin@pka.gov.my](mailto:pka_admin@pka.gov.my)

**MS ISO 9001 : 2008 REG. NO: AR3579**

(JABATAN ZON BEBAS & JABATAN DAGANGAN BERBAHAYA)

Ruj. Tuan: LPK:PB/600-4/1 Jld.3 (12 )

Ruj. Kami: 27 April 2021

Tarikh :

Ketua Pegawai Eksekutif  
 Northport (M) Bhd  
 Jalan Pelabuhan, Pelabuhan Utara  
 42000 Pelabuhan Klang

Faks : 03-3169 8697

Ketua Pegawai Eksekutif  
 Westports (M) Sdn Bhd  
 P.O. Box 266, Pulau Indah  
 42009 Pelabuhan Klang

Tel : 03-3169 4000  
 Faks : 03-3169 4101

Presiden  
 Shipping Association Malaysia (SAM)  
 d/a: Round-the-World Logistics Corp Sdn Bhd  
 Unit 9-1, Level 9, Tower 8, UOA Business Park  
 No.1 Jalan Pengatucara U1/51A, Seksyen U1  
 40150 SHAH ALAM, SELANGOR

Tel : 03-5561 8891  
 Faks : 03-5568 2997

Pengerusi  
 Malaysia Shipowners Association  
 Blok A2, No. A2-3-3  
 Ayer@8, Fasa 8C1  
 Jalan PSG, Presint 8  
 62250 Putrajaya

Tel : 03-8893 1942  
 Faks : 03-8893 1945

Presiden  
 Central Region Shipping Association (CRSA)  
 c/o. SJS Management Services  
 No.29-1, Jalan Kasuarina 2/KS6  
 Bandar Botanik  
 41200 Klang, Selangor

Tel : 03-3167 3830  
 Faks : 03-3168 3830

Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

**PEKELILING PENGURUS BESAR, LEMBAGA PELABUHAN KELANG BIL  
 08/2021 – TINDAKAN BAGI MENCEGAH KEMASUKAN VARIAN BAHARU  
 COVID-19 DARI INDIA KE PELABUHAN KLANG**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) berkaitan tindakan bagi mencegah kemasukan Varian baharu Covid-19 dari India ke Pelabuhan Klang, satu arahan terkini telah dikeluarkan bagi mencegah penularan varian baharu Covid-19 tersebut.
3. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak Ybhg.Dato'/Tuan/Puan adalah diperlukan bagi memanjangkan arahan tersebut kepada pihak terlibat di bawah kendalian tuan.
4. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pengurus Besar Bilangan 08/2021 (JGM) -Tindakan Bagi Membendung Kemasukan Varian Baharu Covid-19 dari India ke Pelabuhan Klang untuk makluman Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan.
5. Tarikh berkuatkuasa adalah bermula pada 27 April 2021

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah



**(KAPT. KAMAL ARIFFIN IDRIS )**

Pg. Pengurus Besar (Operasi & Kawalselia)  
Lembaga Pelabuhan Kelang

s.k.:

Pengurus Merin  
Lembaga Pelabuhan Kelang

Unit VTMS, LPK

Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Pelabuhan  
Persiaran Raja Muda Musa  
42007 Pelabuhan Klang

Ketua Pengarah  
Jabatan Laut Malaysia  
Peti Surat 12, Jalan Limbungan  
42000 Pelabuhan Klang



## LEMBAGA PELABUHAN KELANG

### PEKELILING PENGURUS BESAR BILANGAN 08/2021(JGM)

#### TINDAKAN BAGI MENCEGAH KEMASUKAN VARIAN BAHARU COVID-19 DARI INDIA

Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengeluarkan arahan terkini berhubung tindakan bagi mencegah kemasukan Varian baharu Covid-19 dari India.

Antara keputusan telah dikeluarkan bagi mencegah kemasukan Varian baharu Covid-19 dari India adalah seperti berikut:-

- 1) Kapal yang mempunyai sejarah perjalanan dari negara India dalam tempoh empat belas (14) hari tidak dibenarkan menjalani prosedur *sign-off* di Malaysia kecuali kru warganegara Malaysia.
- 2) Untuk prosedur *sign-off*, kru warganegara Malaysia yang mempunyai sejarah perjalanan dari negara India dan lain-lain negara yang terdapat penularan *Varian of Concern (VOC)* dalam komuniti perlu dikuarantin selama empat belas (14) hari di stesen kuarantin; serta
- 3) Kebenaran kemasukan kapal kargo dari India adalah dengan prosedur berikut:-
  - i. Kru kapal tidak dibenarkan turun
  - ii. Prosedur dalam pengurusan kontena hanya melibatkan pekerja pelabuhan sahaja; dan
  - iii. Semua malim (pilot) yang membawa kapal rapat ke dermaga memakai PPE yang bersesuaian dan mengamalkan penjarakan fizikal
- 4) Tarikh berkuatkuasa adalah bermula dari 27 April 2021

Sekian, terima kasih.

Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Kelang